

Pelanggan yang dihormati,
Lembaran Maklumat Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang pembiayaan anda.
Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda juga harus membacanya.

1 APAKAH ITU AR-RAHNU TAWARRUQ?

Ar-Rahnu Tawarruq ialah pembiayaan jangka pendek di mana Pelanggan mencagarkan emas fizikal atau digital (melalui Akaun Emas-i Bank Islam (Emas AksesTunai (Gold CashAccess)) sebagai Aset Gadaian untuk mendapatkan pembiayaan. Pakej Perniagaan (emas fizikal) juga ditawarkan dengan kadar keuntungan yang lebih rendah bagi pembiayaan bermula dari RM30,000.

Kemudahan ini adalah berasaskan:

Kontrak Tawarruq terdiri daripada dua kontrak jual beli. Yang pertama melibatkan penjualan aset daripada penjual kepada pembeli secara bayaran tertangguh. Kemudiannya, pelanggan daripada jualan pertama menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan serta-merta.

Kontrak Rahn di mana Emas dijadikan Aset Gadaian sebagai sekuriti pembayaran. Jika Pelanggan gagal membayar, Bank Islam berhak melelong Aset Gadaian tersebut. Bank Islam akan bertanggungjawab ke atas Aset Gadaian dan akan memulangkannya kepada Pelanggan setelah pembayaran penuh kemudahan dibuat.

2 KETAHUI KEWAJIPAN ANDA

Bagi pembiayaan ini, sebagai ilustrasi:

Nilai Emas/ Aset Gadaian	=	RM10,000
Margin Pembiayaan	=	Sehingga 80% daripada Nilai Emas
Jumlah Pembiayaan	=	RM7,000*
Kadar Keuntungan Siling	=	11.25% setahun
Harga Jualan	=	RM8,689.04
Kadar Keuntungan	=	9.6% setahun
Tempoh Gadaian (bulan)	=	6 12 18
Jumlah Keuntungan (RM)	=	481.32 960.00 1,441.32

Keseluruhannya, anda akan membayar sebanyak RM8,441.32 dalam tempoh anggaran 18 bulan.

***Nota:**

- Bagi emas fizikal yang dicagarkan, jumlah pembiayaan bagi setiap akaun tidak boleh melebihi RM150,000. Anda boleh membuka lebih daripada satu akaun sehari dengan jumlah terkumpul tidak melebihi RM 1 juta bagi Pakej Perniagaan dan RM250,000 bagi Pakej Biasa.
- Bagi emas digital (Emas AksesTunai (Gold CashAccess)), Aset Gadaian untuk mendapatkan pembiayaan terkumpul tidak melebihi jumlah maksimum berdasarkan nilai emas dalam Akaun Emas-i Bank Islam (BIGA-i) atau RM500,000, yang mana lebih rendah.

Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani



Bayar keuntungan pembiayaan **setiap 6 bulan** sekiranya anda ingin melanjutkan tempoh gadaian sehingga maksimum **18 bulan**. Hubungi kami jika anda berhasrat untuk menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal.



Segera hubungi kami jika anda tidak dapat membayar keuntungan pembiayaan atau menyelesaikan bayaran penuh Aset Gadaian anda.

Bagaimanakah pengiraan Harga Jualan dan Jumlah Keuntungan?

Formula Keuntungan = Nilai Emas/ Aset Gadaian (RM) x Kadar Keuntungan (%) x Tempoh Pembiayaan (Hari/365)

No	Jenis Pakej	Kadar Keuntungan			
1	Pakej Biasa	Nilai Emas/ Aset Gadaian (RM)	Hingga 500	501 hingga 2,500	Melebihi 2,500
		Kadar Keuntungan (%) setahun	7.2%	8.4%	9.6%
2	Pakej Perniagaan	Syarat Akaun	Akaun pertama	Gadaian semula/ akaun berikutnya (dengan syarat tiada rekod tunggakan)	
		Kadar Keuntungan (%) setahun	8.75%	9.0%	
3	Akaun Emas-i Bank Islam (Emas AksesTunai)	7.0%			

Ilustrasi Harga Jualan

Nilai Emas/ Aset Gadaian: RM10,000
Jumlah Pembiayaan: RM7,000
Kadar Keuntungan Siling: 11.25%
Tempoh Harga Jualan: 18 bulan (548 hari)

Ilustrasi Bayaran Berdasarkan Tempoh Gadaian

Nilai Emas/ Aset Gadaian: RM10,000
Jumlah Pembiayaan: RM7,000
Kadar Keuntungan Efektif: 9.6%
Tempoh Gadaian: 6 bulan (183 hari)

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Tarikh: September 2026

Pengiraan Harga Jualan
= Jumlah Pembiayaan + Keuntungan
= RM7,000 + [RM10,000 x 11.25% x (548/ 365)]
= RM7,000 + RM1,689.04
= **RM8,689.04**

Pengiraan Jumlah Bayaran
= Jumlah Pembiayaan + Keuntungan
= RM7,000 + [RM10,000 x 9.6% x (183/ 365)]
= RM7,000 + RM481.32
= **RM7,481.32**

Nota Penting:

- i. Bank Islam telah menetapkan Tarikh Matang Tunggal pada setiap 5 haribulan bagi pembiayaan ini. Terdapat perbezaan tarikh bayaran jika kemudahan diberikan pada, sebelum atau selepas 5 haribulan, seperti ilustrasi di bawah:

Senario	Tarikh Kemudahan	Tarikh Bayaran
Kemudahan diberikan pada atau sebelum 5 haribulan	05/01/2025	05/07/2025
Kemudahan diberikan selepas 5 haribulan	06/01/2025	05/08/2025

- ii. Ibra' (rebat) akan diberikan kepada Pelanggan ke atas perbezaan di antara Harga Jualan dengan bayaran yang perlu dijelaskan oleh Pelanggan berdasarkan Tempoh Gadaian selepas penyelesaian penuh pembiayaan dan penebusan Aset Gadaian dibuat.
- iii. Rebate yang diberikan kepada Pelanggan berdasarkan ilustrasi di atas berjumlah RM8,689.04 – RM7,481.32 = **RM1,207.72.**

Jika anda berhasrat menyelesaikan pembiayaan lebih awal, anda perlu tahu:

'Lock in period' tidak terpakai bagi kemudahan ini dan Bank Islam akan memberikan Ibra' (rebat) ke atas keuntungan tertangguh setelah penyelesaian penuh dibuat.

3 KETAHUI RISIKO ANDA

Apakah yang akan berlaku jika anda mengabaikan kewajipan anda:

Kami berhak mengambil tindakan undang-undang atau melelong/melupuskan kesemua Aset Gadaian atau menggabung dan menyatukan kesemua atau mana-mana akaun anda bagi menolak selesai keberhutangan anda terhadap Bank Islam, selepas 21 hari daripada tarikh Notis Tuntutan Terakhir yang dikeluarkan, dan menuntut amaun tertunggak termasuk segala kos berkaitan sekiranya:

- Anda gagal dan/ atau ingkar menjelaskan bayaran Jumlah Pembiayaan dan Keuntungan dalam tempoh yang ditetapkan;
- Berlaku kematian atau kehilangan upaya kekal;
- Anda diisytiharkan bankrap; dan/ atau
- Anda melanggar mana-mana syarat kemudahan ini dan yang berkaitan dengannya.

4 SYARAT UTAMA LAIN

- Maklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda.
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman secara percuma kepada individu/pemilik tunggal/perusahaan kecil dan sederhana.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk kami, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-26 900 900



Layari kami di
<https://www.bankislam.com>



E-mel kami melalui
contactcentre@bankislam.com.my